

PENGKLASIFIKASIAN HARTA ISTERI BERPEKERJAAN SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN: SATU ANALISIS HUKUM DARI PERSPEKTIF 'URF

*Classification of Property of a Carrier Wife as a Jointly Acquired Property:
 A Legal Analysis from The Perspective of 'Urf*

Masyitah Mohd Zainonⁱ, Marina Abu Bakarⁱⁱ, Saad Gomaa Gomaa Zaghloulⁱⁱⁱ, Nur Sarah Tajul Urus^{iv} & Mus'ab Mohd Yusoff^v

ⁱ Pensyarah, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, UniSHAMS, 09300, Kuala Ketil, Kedah,
masyitahzainon@unishams.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, UniSHAMS, 09300, Kuala Ketil, Kedah,
marinaabubakar@unishams.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, UniSHAMS, 09300, Kuala Ketil, Kedah,
saadgomaa@unishams.edu.my

^{iv} Pensyarah, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, UniSHAMS, 09300, Kuala Ketil, Kedah,
nursarah@unishams.edu.my

^v Pensyarah, Kulliyyah Syariah & Undang-Undang, UniSHAMS, 09300, Kuala Ketil, Kedah,
mus'ab@unishams.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Di Malaysia, undang-undang mengiktiraf tuntutan harta sepencarian atas faktor perceraian, poligami atau kematian. Sebagai contoh, seksyen 122, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Kedah Darul Aman) 2008, jelas memperuntukkan berkenaan bidangkuasa Mahkamah dalam memerintah pembahagian harta sepencarian. Terdapat khilaf dalam kalangan para fuqaha' berkaitan harta milik isteri berpekerjaan sepanjang perkahwinan dari aspek statusnya sebagai harta persendirian atau harta sepencarian. Namun, timbul masalah apabila terdapat situasi di mana sebahagian besar sumbangan rumah tangga adalah berpunca daripada harta isteri. Sumbangan ini dapat dilihat bermula daripada pembelian rumah, kereta, kos asuhan anak-anak yang menjadi sebahagian daripada tanggungan isteri. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengklasifikasian harta isteri</i></p>	<p><i>In Malaysia, the law recognizes claims of jointly acquired property of spouse due to divorce, polygamy or death. For example, Section 122 of the Islamic Family Law Enactment (State of Kedah Darul Aman) 2008, clearly provides for the jurisdiction of Court's injunction in the division of jointly acquired property. There is a disagreement among Muslim Jurists related to assets to the working wives throughout her marriage in terms of its status as a private property or jointly acquired property. However problems arise when there are situations where the vast majority of domestic contributions are attributed to the property of the wife. These contributions can be seen beginning from the purchase of house, car and upbringing costs of children which are part of wife's obligations. Therefore, the objective of this study is to identify the classification of assets of the working spouse as a jointly acquired property that is entitled to be claimed by the husband</i></p>

berpekerjaan sebagai harta sepencarian yang berhak dituntut oleh suami dari perspektif syarak, dan seterusnya menganalisis pengiktifaran 'Urf ke atasnya. Kajian ini adalah kajian kualitatif di mana data kajian dikumpul melalui kajian kepustakaan daripada kitab-kitab fiqh islami dan sumber undang-undang. Sementara itu, analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis kandungan melalui pendekatan deskriptif. Hasil kajian membuktikan bahawa 'Urf mengiktiraf pengklasifikasian harta isteri berpekerjaan sebagai harta sepencarian. Walau bagaimanapun, bagi isteri yang berkerjaya dan telah menanggung segala keperluan tambahan, harta mereka diklasifikasikan sebagai harta yang tidak boleh dituntut oleh suami dalam harta sepencarian. Kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam tuntutan harta sepencarian seperti penggubal undang-undang dan institusi-institusi mahkamah untuk menilai pengklasifikasian harta isteri berpekerjaan sebagai harta sepencarian yang boleh dituntut oleh suami.

Kata kunci: Pengklasifikasian, Harta Isteri Berpekerjaan, Harta Sepencarian, 'Urf.

from Islamic perspective and subsequently analyze the custom recognition on it. This study is a qualitative study in which data is collected through studies from Islamic law scriptures and legal sources. Meanwhile, data analysis is carried out using content analysis methods through a descriptive approach. The findings proved that the custom recognized the classification of property of a wife to be accepted as a jointly acquired property. However for working wives who have incurred all additional needs, their property is classified as property that cannot be claimed by the husband in full. This study hopefully will contribute to the parties involved in jointly acquired property claims such as legislators and law practitioners to assess the classification of property working spouse as jointly acquired property that can be claimed by the husband.

Keywords: Classification, Carrier's Wife Property, Jointly Acquired Property, 'Urf.

PENDAHULUAN

Harta sepencarian adalah harta yang diperolehi oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh hukum syarak. Perolehan harta ini adalah hasil daripada ikhtiar dan usaha bersama suami isteri dalam memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung semasa perkahwinan. Harta ini merangkumi harta alih dan harta tak alih. Harta alih adalah harta yang boleh dipindahkan dan tetap, seperti wang tunai, duit simpanan bank, simpanan KWSP, saham, kenderaan, perabot, barang kemas, binatang ternakan dan lain-lain. Manakala harta tak alih pula adalah harta yang tidak boleh dipindahkan dan tetap seperti hartanah yang bergeran dan berdaftar. Sumbangan secara langsung bermaksud sumbangan dalam bentuk wang dan tenaga dalam memperolehi harta sepencarian, seperti pembelian rumah dengan perkongsian wang dan pentadbiran syarikat secara bersama. Sumbangan secara tidak langsung pula bermaksud sumbangan dalam bentuk wang dan tenaga oleh salah satu pihak

sahaja dalam perolehan harta sepencarian dan sumbangan dalam bentuk pengurusan rumah tangga oleh salah satu pihak yang lain yang mempengaruhi perolehan harta tersebut. Konsep harta sepencarian juga mencakupi harta yang telah diperolehi oleh salah satu pasangan sebelum berkahwin tetapi telah dimajukan dalam masa perkahwinan hasil sumbangan bersama.

TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN MENURUT UNDANG-UNDANG

Menurut peruntukan undang-undang, mahkamah mempunyai bidang kuasa memerintahkan pembahagian harta sepencarian di antara suami isteri. Ia merupakan suatu hak yang boleh dituntut oleh salah satu pasangan setelah berlaku perceraian. Perintah pembahagian harta sepencarian berdasarkan kepada sumbangan secara langsung adalah dirujuk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 122 (1):

“Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.”

Perintah pembahagian harta sepencarian berdasarkan sumbangan secara tidak langsung pula adalah dirujuk kepada enakmen yang sama, Seksyen 122 (3):

“Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.”

Setelah itu, hak membuat tuntutan harta sepencarian atas faktor perceraian diperluaskan dengan dibenarkan tuntutan harta sepencarian samaada semasa tuntutan perceraian atau setelah perceraian. Selain itu, pasangan juga dibenarkan membuat tuntutan atas faktor poligami dan kematian. Tuntutan kerana poligami dibuat oleh isteri semasa tuntutan poligami dikemukakan

kepada mahkamah. Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah seksyen 23 poligami (10):

“Tiap-tiap Mahkamah yang memberi kebenaran atau memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan di bawah seksyen ini, hendaklah mempunyai kuasa atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan-

(b) untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang telah diperoleh oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagikan.”

Tuntutan kerana kematian pula boleh dibuat oleh ahli waris setelah kematian salah satu pasangan perkahwinan. Ia berdasarkan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, no 5 tahun 2003 yang telah menetapkan seperti berikut:

“Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan masa membuat tuntutan harta sepencarian dibolehkan samada semasa tuntutan perceraian atau selepas perceraian ataupun selepas kematian mana-mana pihak. Mahkamah dalam hal ini boleh menerima mana-mana tuntutan harta sepencarian yang dibuat selepas kematian manapun pihak dalam tuntutan tersebut dan rujukan hendaklah dibuat kepada mana-mana kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang lebih tinggi. Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003.”

TUNTUTAN HARTA PENCARIAN MENURUT FATWA

Di negeri Kedah, pensyariatan tuntutan harta sepencarian adalah berdasarkan keputusan fatwa yang telah diwartakan pada tahun 1979. Pewartaan fatwa berkaitan tuntutan harta sepencarian adalah untuk mengikat dan memastikan seluruh umat Islam mematuhi hukum berkaitan harta sepencarian. Melalui pewartaan ini juga, hak pasangan dalam tuntutan harta sepencarian telah dijamin oleh peruntukan undang-undang. Jawatankuasa fatwa telah menggunakan keputusan mesyuarat pada tahun 1979 berkaitan beberapa perkara berhubung harta sepencarian, antaranya adalah seperti berikut:

"Menurut kelaziman negeri-negeri di sebelah sini, suami isteri di dalam masa hidup perkongsian mereka sama-sama berganding bahu membina penghidupan dengan berbahagi usaha untuk mendapat harta, sama-sama bersawah, berladang, sama-sama meneroka tanah dan hutan atau lain-lain usaha yang akhirnya mereka dapat memiliki harta iaitu hasil dari usaha cari sama-sama dan harta ini adalah harta sepencarian. Maka untuk memelihara *maslahah* dan kepentingan isteri, dan melindungi dari terlepas daripada mendapat hak di atas harta sepencarian ini, Jawatankuasa sebulat suara bersetuju:

(1) Isteri atau warisnya berhak mendapat daripada harta sepencarian dengan kadar yang berdasarkan kepada upah kerja yang munasabah menurut lazimnya bagi sesuatu kerja atau usaha. Pendapat ini berpegang kepada nas di dalam kitab *Qurratul 'Ain bi Fatawa Ulama al-Haramain*, halaman 366-367. (al-Maghribi H. i., 1937)

(2) Mengesyorkan kepada Majlis supaya mengadakan peruntukan undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang memberi hak kepada isteri atau warisnya, jika suami ingkar - daripada memberi haknya yang adil di atas harta sepencarian itu - membuat tuntutan di hadapan mana-mana Mahkamah Kadi, dan Kadi dengan budi bicara dan timbang tiliknya boleh menghitbatkan hak isteri daripada harta sepencarian itu dan menentukan kadar yang patut dan berhak baginya atau waris memperolehnya jika ia telah mati dengan berdasarkan kepada upah kerja yang munasabah menurut lazimnya bagi sesuatu kerja atau usaha.

(3) Oleh kerana muamalah suami isteri bagi menghasilkan harta sepencarian itu termasuk di bawah muamalah *Syarikat al-Abdan* dan *Syarikat al-Abdan* adalah tiada sah di dalam mazhab Syafi'i dan sah di dalam mazhab Hanafi dengan tiada menghiraukan jenis pekerjaan sama ada sama atau berlainan dan sah juga di dalam mazhab Maliki dan Hanbali dengan syarat sama jenis pekerjaan, maka jawatankuasa fatwa memberi pendapat seperti (1) dan (2) di atas adalah dengan merujuk kepada mazhab Hanafi."(Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman)

ANALISIS KE ATAS KEPUTUSAN FATWA

Berdasarkan keputusan fatwa, dapat dilihat bahawa sumber utama pensyariatan hukum harta sepencarian adalah *Qiyas* kepada pensyariatan *Syarikat al-Abdan*. Imam al-Haramain pernah dikemukakan satu permasalahan berkaitan harta sepencarian di mana telah menjadi amalan dalam '*Urf* masyarakat di Indonesia, suami isteri bekerjasama semasa perkahwinan dalam memperolehi harta sepencarian. Sebagai contoh, suami isteri

berganding bahu mengerjakan dan mengusahakan sawah, sehingga hasil pendapatan mereka bercampur dan tidak dapat dibezakan usaha siapa di antara mereka yang mempengaruhi keuntungan. Persoalan yang ditimbulkan adalah apabila berlaku kematian, adakah harta sepencarian tersebut akan dibahagi sama rata atau dibahagikan secara faraid? Imam al-Haramain menjawab seperti berikut:

“Merujuk di dalam kitab *I'anah* yang dituliskan oleh Syeikh kami: ‘Jika dua orang yang menjadi rakan kongsi telah bersetuju membahagikan hasil pendapatan daripada pekerjaan mereka, sama ada keduanya menjalankan pekerjaan yang sama, seperti keduanya adalah tukang jahit, atau keduanya menjalankan pekerjaan yang berbeza, seperti seorang adalah tukang jahit dan seorang lagi adalah tukang sulam, konsep ini dinamakan sebagai ‘*Syarikat al-Abdan*’. *Syarikat al-Abdan* adalah tidak sah di dalam mazhab Syafie kerana tidak wujud modal. Sebaliknya jika seseorang menjalankan suatu pekerjaan secara persendirian, maka dia adalah pemilik tunggal kepada segala keuntungan yang diperolehi. Oleh itu, jika sesuatu pekerjaan dijalankan secara berkongsi oleh dua orang, keuntungan akan dibahagikan berdasarkan kepada hasil kerja yang telah dijalankan. Konsep *Syarikat al-Abdan* ini adalah harus tanpa syarat menurut Imam Abu Hanifah. Manakala Imam Malik dan Imam Ahmad pula mensyaratkan pekerjaan yang sama. Sebagai kesimpulan, harta sepencarian yang telah diperolehi hasil usaha sama suami isteri dalam mengusahakan sawah (di mana telah bercampur keuntungan dan tidak dapat dibezakan usaha pihak yang mempengaruhi) mestilah dibahagikan di antara pasangan berdasarkan kepada hasil kerja yang telah dijalankan. Setelah itu, barulah ahli waris berhak mengambil bahagian masing-masing daripada harta si mati sama ada pewarisan secara *fardhu* atau ‘*asobah* berdasarkan ketetapan hukum Syarak.’”
(Ibrahim, 1937)

Mazhab Syafie mengharamkan *Syarikat al-Abdan* kerana konsep rakan kongsi adalah berdasarkan kepada modal, bukan kepada kerja. Pengharamannya juga dikaitkan dengan kewujudan elemen *gharar* dan kejahanan yang melanggar etika akad muamalat.(al-Nawawi, 1991) *Gharar* bermaksud satu elemen yang mengakibatkan sebahagian rukun dalam akad *muamalat* tidak dapat dipastikan kesannya.(Qal’aji&Qunaybi, 1988) Imam Ramli menegaskan seperti berikut:

“*Syarikat al-Abdan* seperti rakan kongsi dalam menjalankan satu kerja pengangkutan dan juga pekerjaan-pekerjaan yang lain, atas prinsip pembahagian sama rata keuntungan atau tidak sama rata, sama ada

keduanya menjalankan pekerjaan yang sama atau tidak sama, seperti keduanya tukang kayu, atau seorang tukang kayu dan seorang lagi tukang sulam, maka hukumnya adalah haram kerana wujud ketidakpastian dan kejahilan dalam akad." (al-Ramli I. S., 1984)

Mazhab Jumhur pula mengharuskan *Syarikat al-Abdan* kerana konsep rakan kongsi boleh didasarkan kepada kerja. Ia diqiyaskan kepada hukum akad *Mudharabah* yang harus di mana ia adalah berdasarkan kepada kerja. (Ibn Rusyd, 1995) *Syarikat al-Abdan* juga mengandungi elemen *Wakalah* di mana hukum *Wakalah* adalah harus dalam syarak, lalu setiap akad yang mengandungi elemen harus, hukumnya adalah harus juga. *Syarikat al-Abdan* turut menjadi suatu keperluan yang tidak dapat dielakkan kerana ia melibatkan maslahat orang ramai.(Ifanah, 2008)

Antara perbincangan yang boleh diutarakan ke atas keputusan fatwa adalah seperti berikut:

Pertama: *Syarikat al-Abdan* wajib dimulakan dengan akad. Rukunnya adalah lafaz *ijab* dan *qabul*. *Ijab* bermaksud penawaran rakan kongsi dalam *Syarikat al-Abdan*. *Qabul* bermaksud persetujuan ke atas penawaran rakan kongsi dalam *Syarikat al-Abdan*. Seperti satu pihak berkata: "Aku adalah rakan kongsi kamu dalam pengusahaan sawah". Pihak yang lain menjawab: "Aku setuju". Maka keduanya saling menyumbang tenaga dalam mengerjakan sawah dan hasil keuntungan akan dibahagikan di antara mereka. Jika dilihat dalam pensyariatan harta sepencarian yang didasarkan kepada *Syarikat al-Abdan*, maka tiada suatu akad baharu yang dilaksanakan oleh suami isteri selain akad pernikahan. Maka tuntutan harta sepencarian tidak disyariatkan apabila tiada sebarang akad *Syarikat al-Abdan* dibuat.

Kedua: Pembahagian harta sepencarian mestilah didasarkan kepada keredaan suami isteri. Reda merupakan asas kepada pemilikan harta. Tanpa reda seseorang telah dianggap mengambil harta milik orang lain tanpa kebenaran. Hukumnya adalah haram dan berdosa sekalipun di antara suami isteri. Justeru, *Majma' al-Fiqh al-Islami* telah meneliti isu berkaitan kontrak harta sepencarian yang dijalankan setelah akad perkahwinan, di mana suami isteri berhak berkongsi kewangan mereka, terutamanya jika mereka bekerjasama dalam mengumpulkan dan mengembangkannya. Fatwa No. 227 (11/23) tahun 2008 telah memutuskan seperti berikut:

"Jika pasangan suami isteri saling bersetuju ke atas pembahagian harta sepencarian bersama, dengan penuh kerelaan dan pilihan, lalu tidak ada halangan daripada syarak terhadap hal tersebut. Persetujuan tersebut

tidak boleh dibuat dengan sebarang pemaksaan dan syarat yang mengikat."(al-Majma' al-Fiqh al-Islami, 2018)

Ketiga: Sistem harta suami isteri dalam Islam adalah sistem pemilikan mutlak dan kebebasan mengendalikan kewangan masing-masing tanpa sebarang halangan. Ia merupakan keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Mesir, No. 2122 tahun 2009. (Dar al-Ifta' al-Misriyyah, 2009)

"Menurut ketetapan Syarak, seorang suami mempunyai pemilikan mutlak ke atas kewangannya yang tidak bergantung kepada sumbangan isterinya, dan seorang isteri juga mempunyai pemilikan mutlak ke atas kewangannya yang bebas dari sumbangan suaminya. Ketetapan ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW: "Setiap orang lebih berhak ke atas kewangannya berbanding ayahnya, anaknya dan orang lain." Diriwayatkan oleh al-Daruqutni di dalam Sunannya. Hadis ini menetapkan punca kuasa pengendalian kewangan oleh pemilik harta."

"Dan berdasarkan itu, akad perkahwinan di dalam perundangan Islam tidak mengakibatkan penggabungan harta salah satu pihak dengan pihak yang lain, sama ada harta tersebut berbentuk wang tunai, hartanah, saham atau semua jenis yang lain, dan suami atau isteri tidak berhak di bawah suatu akad perkahwinan di dalam Islam untuk mengawal selia pengendalian kewangan milik isteri atau suaminya."

Keempat: Tiada perbahasan berkaitan hukum harta sepencarian yang pernah dibincangkan oleh *Ulama' Salaf, Khalaf* dan *Fuqaha' Mazhab* terdahulu. Tuntutan harta sepencarian adalah isu baharu yang timbul dan mula berleluasa di Nusantara seterusnya mempengaruhi masyarakat Islam. Dalam maksud yang lain, perkara ini tiada asasnya dalam syarak kecuali melibatkan sumbangan langsung masyarakat terdahulu yang turut membanting tulang di antara suami isteri bagi membina kehidupan. Justeru, menurut Majlis Fatwa Mesir, pensyariatan harta sepencarian tidak boleh dirujuk kepada perundangan Islam, sama ada mengqiyaskannya kepada kontrak Syarikat, Hibah, Wakalah mahupun selainnya. Majlis Fatwa Mesir telah memutuskan seperti berikut:

"Kita tidak boleh menjadikan harta sepencarian sebagai akad yang bersandarkan kepada mana-mana usul dan kaedah fekah. Kita juga tidak boleh merujuknya kepada mana-mana kontrak yang telah dikuatkuasakan di dalam perundangan Islam, baik merujuknya kepada kontrak *Syarikat, Hibah, Wakalah* atau selainnya. Dan perkara ini menekan kita (untuk berusaha mendapatkan seorang *faqih* yang dapat bertindak menjaga kestabilan masyarakat dan memperbetulkan urusan mereka

sekadar termampu), di mana mungkin kita boleh mengguna pakai pendapat *Fuqaha'* yang membenarkan pengenalan satu kontrak baharu, yang bersandarkan kepada *Maqasid Umum Syariah* yang berperanan melindungi harta, mengelakkan ketidakpastian dan ketidakadilan, menghindari kemudarat terhadap pihak lain, memelihara hak dan melaksanakan tanggungjawab, (jika kontrak yang diperkenalkan dapat merangkumi semua aspek pelindungan tersebut) di mana ia mestilah dilaksanakan dengan persetujuan suami isteri yang berkelayakkan. Pandangan ini merupakan pandangan yang ditarikhkan oleh *Syeikh al-Islam* Ibn Taimiyyah dan lain-lain."(Mausu'ah al-Fatawa, 2017)

Kesimpulannya, pensyariatan harta sepencarian menggunakan sumber *qiyas* kepada konsep *Syarikat al-Abdan* adalah dilarang oleh sebahagian besar *ulama'* masa kini. Selain itu, fatwa asal yang dijawab oleh Imam al-Haramain adalah berkaitan dengan pekerjaan yang sama dijalankan oleh suami isteri yang menjadi '*Urf* masyarakat terdahulu seperti bersawah. Kajian cenderung mengatakan bahawa wujud akad perjanjian *Syarikat al-Abdan* secara lafaz yang dibuat oleh suami isteri. Kerana itu Imam al-Haramain membenarkan pembahagian harta sepencarian di antara mereka. Ia boleh dilihat kepada mukadimah fatwa beliau yang menyebut seperti berikut:

"Jika dua orang yang menjadi rakan kongsi telah bersetuju membahagikan hasil pendapatan daripada pekerjaan mereka."

KEDUDUKAN SUMBANGAN TIDAK LANGSUNG PIHAK ISTERI

Jika dilihat kepada tuntutan harta sepencarian di Malaysia, pembahagiannya adalah terlalu umum merangkumi sumbangan secara tidak langsung pihak isteri dan tanpa akad perjanjian. Apabila pengurusan dalam rumah tangga seperti menguruskan keperluan makan pakai suami, menyelenggara kerja-kerja rumah, memelihara kebajikan anak-anak serta menjaga amanah ke atas kewangan suami diklasifikasikan sebagai perkara yang diambil kira dalam menentukan harta sepencarian, lalu suatu perbincangan hukum mestilah diutarakan berkaitan sumbangan secara tidak langsung pihak isteri. Adakah sumbangan secara tidak langsung pihak isteri merupakan suatu tanggungjawab berdasarkan '*Urf* atau suatu pekerjaan? Imam al-Sayuti menyebut:

"Adat resam sesuatu bangsa atau kaum yang tidak bertentangan dengan Islam adalah boleh diterima pakai sebagai sebahagian daripada peraturan hidup dan perundangan bagi sesebuah negara". (al-Sayuti, 1990)

Para *Fuqaha'* terdahulu telah berbeza pandangan berkaitan hukum sumbangan secara tidak langsung pihak isteri kepada tiga pandangan:

Pandangan pertama: Menurut Mazhab Maliki, kewajipan isteri terhadap sumbangan tidak langsung semasa perkahwinan bergantung kepada amalan '*Urf* masyarakat setempat. Dalam erti kata yang lain sumbangan secara tidak langsung semasa perkahwinan adalah kewajipan seorang isteri.

Dalil pertama: Kaedah '*Urf* setempat sebagai sumber hukum. Kaedah '*Urf* ini dikeluarkan daripada firman Allah S.W.T di dalam surah al-Baqarah ayat 228:

“Dan para isteri mempunyai tanggungjawab yang harus mereka lakukan dengan *al-ma'ruf*.”

Perkataan *al-ma'ruf* di dalam ayat bermaksud berdasarkan '*Urf*. Di dalam ayat di atas Allah S.W.T telah menjelaskan bahawa para isteri mempunyai tanggungjawab terhadap suami dengan cara yang baik sebagaimana suami juga mempunyai tanggungjawab terhadap isteri. Pelaksanaan tanggungjawab semasa perkahwinan dengan cara yang baik ini perlulah dilihat kepada '*Urf* setempat. Lalu, jika menurut '*Urf* setempat, sumbangan tidak langsung adalah tanggungjawab isteri, di mana merangkumi pengurusan keperluan suami, anak-anak dan rumahtangga, maka sumbangan tidak langsung ini menjadi suatu kewajipan ke atas isteri. (al-Ityubi, 2003)

Dalil kedua: Isteri wajib memberikan sumbangan tidak langsung semasa perkahwinan hanya berdasarkan kepada amalan '*Urf* masyarakat setempat. Oleh itu, suami tidak boleh memerintahkan isteri melaksanakan kerja-kerja yang berada di luar batas kemampuan fizikal seorang wanita yang bercanggah dengan '*Urf*. Ia disokong oleh firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 286 yang bermaksud:

“Allah SWT tidak memberikan tanggungjawab yang di luar batas kemampuan seseorang.”

Dalil ketiga: Dalil yang sama turut dikemukakan di mana Nabi Muhammad SAW telah memberikan kepada Ali dan Fatimah tanggungjawab masing-masing dalam rumahtangga. Baginda SAW sendiri pernah menyuruh isterinya Aisyah r.a menghidangkan makanan dan minuman kepada tetamu yang hadir ke rumah mereka. (al-Ityubi, 2014)

Pandangan kedua: Menurut pandangan Mazhab Hanafi, isteri wajib memberikan sumbangan secara tidak langsung semasa perkahwinan tanpa melihat kepada '*Urf* setempat. (Wizarah al-Auqaf, 2006)

Dalil pertama: Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 34 yang bermaksud:

"Para suami adalah pemimpin para isteri."

Berdasarkan ayat di atas, apabila isteri tidak memberikan sumbangan tidak langsung ia membawa maksud bahawa suami tidak memiliki kuasa pentadbiran dalam rumah tangga. Bahkan apabila suami sendiri yang menjalankan kerja-kerja rumah tangga sepenuhnya maka ini menunjukkan bahawa rumah tangga tersebut dipimpin oleh isteri, bukan suami. (Al-Walwi, 2005) (al-Ithyubi, 2003)

Dalil kedua: Tindakan Nabi Muhammad SAW sendiri yang telah membahagikan tugas pengurusan rumah tangga semasa perkahwinan di antara Saidina Ali r.a dan Fatimah r.a. Baginda telah menetapkan bahawa pengurusan dalaman rumah tangga adalah tanggungjawab isteri, manakala pengurusan luaran rumah tangga adalah tanggungjawab suami. Dalil ini menjadi sandaran kepada pengharaman meminta upah atau gaji ke atas sumbangan tidak langsung ini.

Pandangan ketiga: Menurut majoriti *Fuqaha'* diwakili oleh Mazhab Syafie, Hanbali dan sebahagian *Fuqaha'* Maliki, isteri tidak berkewajipan memberikan sumbangan tidak langsung semasa perkahwinan, namun lebih utama dan baik baginya memberikan sumbang tidak langsung kerana perkara ini telah menjadi '*Urf*' dalam masyarakat. Dalam erti kata lain, sumbangan tidak langsung tidak wajib berdasarkan akad nikah tetapi sangat dituntut supaya isteri mengikuti '*Urf*' setempat. (Ibn Qudamah, 1984) (al-Rafi'e, 1997)

Dalil pertama: Isteri tidak wajib memberikan sumbangan tidak langsung semasa perkahwinan, seperti mengisar tepung, mengguli roti dan memasak. Kewajipannya terhad kepada pengurusan keperluan dirinya sahaja. Tetapi adalah lebih utama dia mengikuti '*Urf*' setempat. Jika '*Urf*' setempat memberikan tanggungjawab sumbangan tidak langsung kepada isteri, maka dia dituntut melaksanakannya. (al-Karami, 2008)

Dalil kedua: Konsep akad perkahwinan adalah memberikan hak dan kebenaran kepada suami untuk persetubuhan, bukan hak untuk menggunakan perkhidmatan isteri bagi mengaut sebarang keuntungan dan manfaat. Jika suami memerlukan perkhidmatan isteri dalam pengurusan rumah tangga, dia perlu menjalankan kontrak yang lain setelah akad perkahwinan. Adapun hadis yang dikemukakan oleh Mazhab Hanafi dan

Maliki berkaitan pembahagian tanggungjawab perkahwinan di antara Saidina Ali r.a dan Fatimah r.a, hukumnya adalah sunat dan suatu tindakan yang mulia, tetapi tidak wajib. (al-Imrani, 2000) (al-Ithyubi, 2003)

Kesimpulannya, sumbangan tidak langsung isteri merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab menurut pandangan yang rajih dalam kalangan *Fuqaha'* bersumberkan '*Urf*. Mana mungkin, '*Urf* jugalah menjadi sumber penyariatan tuntutan harta sepencarian di mana sumbangan tidak langsung isteri adalah suatu pekerjaan selaras dengan konsep *Syarikat al-Abdan*. Bagaimana satu '*Urf* yang sama dapat memutuskan dua hukum yang berbeza. Perkara ini sekaligus tidak dapat diterima akal.

APLIKASI KAEADAH "AL-'ADAH MUHAKKAMAH" TERHADAP PENSYARIATAN TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN

Maksud perkataan "al-'Adah" di dalam kaedah tersebut adalah merujuk kepada adat setempat. Dalam adat masyarakat di Malaysia sebahagian besar isteri adalah tidak bekerjaya dan menjadi suri rumah sepenuh masa. Dia secara rela menguruskan keperluan dalaman rumahtangga seperti memasak, membasuh, mengemas, mengasuh dan mendidik anak-anak. Tanggungjawab ini dilaksanakan secara turun temurun oleh setiap wanita apabila telah bergelar isteri. Bagi wanita yang bekerjaya pula, dia tetap menguruskan keperluan yang sama sekalipun tidak sempurna. Seperti hanya memasak pada hari minggu, memasak masakan pagi dan malam sahaja, membasuh setiap dua hari, mengasuh anak hanya pada waktu malam sesuai dengan situasi pekerjaannya dan telah difahami dengan baik oleh suami. Menurut undang-undang, isteri yang menjadi suri rumah berhak menuntut harta sepencarian kerana tugasannya dinilai dalam katogeri sumbangan tidak langsung. Bagitu juga isteri yang bekerjaya, dia mempunyai hak ke atas harta sepencarian kerana tugasannya dinilai dalam katogeri sumbangan secara langsung.

Adat yang dikaitkan dengan harta sepencarian di Malaysia merupakan amalan adat dalam kalangan masyarakat Melayu iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih sejak abad ke 14 masih. Menurut sejarah, Adat Perpatih adalah berasal dari tanah Minangkabau, sebuah negeri yang terletak di tengah-tengah sebelah barat pulau Sumatera, Indonesia. Adat Perpatih merupakan adat warisan yang telah diamalkan oleh masyarakat asal Negeri Sembilan secara turun-temurun. Pengasasnya adalah pemimpin Minangkabau, iaitu Sultan Balun yang digelar sebagai Dato' Perpatih Nan Sebatang. Beliau mentadbir daerah-daerah seperti Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Seremban. Manakala Adat Temenggung pula merupakan adat warisan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang tinggal di persisiran pantai seperti Port Dickson. Kini, adat temenggung telah diamalkan disemua

negeri di Malaysia kecuali Negeri Sembilan dan daerah Naning di Melaka. Pengasasnya pula adalah Dato' Temenggung. Kedua tokoh ini adalah orang asal Minangkabau yang merantau ke Semenanjung Tanah Melayu dan telah membuka penempatan yang baru di Negeri Sembilan. Masyarakat di lokasi ini berpegang teguh dengan peraturan dan adat yang diamalkan hasil gabungan antara dua adat iaitu adat perantau Minangkabau dengan adat orang asli tempatan. (Arkib Negara Malaysia, 2020)

Menurut hukum Adat Temenggung berkaitan harta pusaka, ia mestilah diwariskan kepada lelaki bahagian yang lebih banyak berbanding wanita. Manakala menurut hukum Adat Perpatih pula, harta pusaka mestilah diwariskan kepada wanita sahaja.(Taib&Ismail, 2012) Adat Perpatih berpegang kepada falsafah:

“Harta pusaka turun temurun kepada anak. Tiada anak waris ikrab. Tiada waris ikrab waris bersanak. Tiada waris bersanak terpulang kepada suku”.

Segala harta berbentuk rumah dan tanah adat seperti tanah sawah dan tanah ladang merupakan hak dan keutamaan wanita. Dalam soal harta sepencarian pula, adat Perpatih memutuskan bahawa harta yang diperoleh oleh pasangan sepanjang perkongsian hidup akan dibahagi dua setelah perceraian. Prinsip pembahagian termaktub dalam pepatah:

“Pembawa kembali, dapatan tinggal, carian bahagi, mati laki tinggal ke bini, mati bini tinggal ke laki”. (Taib&Ismail, 2012)

Manakala adat temenggung memutuskan bahawa pembahagian harta sepencarian selepas perceraian adalah dua bahagian bagi lelaki dan satu bahagian bagi wanita. Hakim E.N. Taylor di dalam penghakiman beliau ke atas Re Elang, Re Kulop Degor dan Lebar v. Niat yang membabitkan harta sepencarian di Perak memutuskan jika perempuan turut serta bercucuk tanam, dia boleh menerima $\frac{1}{2}$ daripada harta dan jika tidak, dia menerima bahagian yang lebih kecil. (Mat Hussin&Abdullah, 2016) Majlis Kerajaan Perak bertarikh 18 Januari 1907 mengisytiharkan:

“Bahawa adat orang-orang Melayu di Perak dalam hal pembahagian harta sesudah perceraian, di mana harta itu diperolehi oleh pihak-pihak atau oleh salah satu pihak selama perkahwinan itu adalah dua bahagian bagi lelaki dan satu bahagian bagi perempuan”. (Mat Hussin& Abdullah, 2016)

Menurut pandangan *Jumhur Usuliyyin*, jika sesuatu adat itu bercampur, seperti terdapat pasangan perceraian yang membahagikan harta sepencarian dan terdapat juga pasangan perceraian yang tidak membahagikan harta sepencarian, maka adat tersebut bukanlah suatu adat yang umum. Justeru, adat yang bukan bersifat umum ini tidak sesuai dijadikan sandaran syarak bagi penggubalan hukum. Ia juga tidak boleh dinilai dalam urusan muamalah masyarakat. Hal ini kerana di antara syarat wajib beramal dengan adat adalah adat tersebut bersifat kekal untuk sepanjang masa, berterusan, meluas, dan menjadi suatu kebiasaan. (Al-Ghazi, 2003)

Perkara ini dapat dibuktikan melalui penggubalan undang-undang berkaitan harta sepencarian serta jumlah kes yang didaftarkan. Menurut laporan statistik kes tuntutan harta sepencarian yang didaftarkan di negeri Sembilan pada tahun 2017, hanya 146 kes yang didaftarkan. (JKSNS, 2018) Ia adalah jumlah yang sangat kecil berbanding dengan jumlah kes perceraian yang didaftarkan. Hal ini menunjukkan bahawa pembahagian harta sepencarian tidak menepati syarat pengiktirafan '*Urf*' iaitu pengamalan yang meluas dan mendominasi. (al-Sayuti, 1990) Kaedah Fiqhiyyah menyebut:

"إِذْمَا تَعْتَبرُ الْعَادَةُ إِذَا اطْرَدْتَ أَوْ غَلَبْتَ"

Maksudnya: "Sesuatu '*Urf*' dipertimbangkan sebagai hukum apabila ia meluas atau mendominasi." (al-Zuhayli, 2006)

Kesimpulannya, sekalipun tuntutan harta sepencarian disandarkan pensyariatannya kepada '*Urf*', tetapi pembahagian tersebut tidak menjadi amalan sehingga isteri terpaksa membuat tuntutan di mahkamah. Jika ia merupakan '*Urf*' masyarakat setempat kita tidak memerlukan kepada peruntukan undang-undang bagi menguatkuasakan pelaksanaannya. Hakikat sebenar, pembahagian harta sepencarian setelah perceraian, poligami mahupun kematian hanyalah melibatkan peratusan yang rendah di kalangan masyarakat di Malaysia. Justeru, '*Urf*' yang bercampur pengamalannya, adalah '*Urf*' yang *fasid* dan tidak boleh dijadikan panduan serta dikeluarkan satu keputusan hukum berdasarkan kepadanya.

PENGKLASIFIKASIAN HARTA ISTERI BERPEKERJAAN SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN

Secara umumnya, majoriti *ulama'* mengharuskan wanita keluar berkerja dengan ketentuan-ketentuan serta garis panduan syarak. Antaranya adalah pekerjaan yang halal, bekerja kerana memenuhi keperluan masyarakat atau peribadi, mendapat keizinan daripada suami atau wali, tidak mengabaikan hak suami dan anak-anak, pekerjaan yang sesuai dengan perwatakan wanita, komited terhadap pakaian patuh syariah serta aman daripada fitnah.

Keistimewaan isteri berpekerjaan jika dibandingkan dengan suri rumah adalah satu usaha yang membawa kepada pencapaian maslahat yang menjadi tuntutan syarak di mana dia dapat menyokong kewangan suami, membantu meningkatkan taraf hidup keluarga, menjamin masa depannya serta menyumbang khidmat kepada masyarakat. (Hilali, 2010)

Di Malaysia kini, penyertaan tenaga kerja wanita telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Berdasarkan Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, tenaga kerja wanita pada suku pertama 2019 adalah 55.7 peratus melibatkan 5.86 juta wanita. Pada Suku kedua 2019 peratusan meningkat kepada 55.8 peratus melibatkan 5.90 juta wanita. Suku ke tiga pula perkembangan kadar penyertaan tenaga buruh di kalangan wanita mencapai sehingga 56.0 peratus melibatkan 5.93 juta wanita.(Malaysia J. P., 2019) (Malaysia J. P. 2019)

Berkaitan harta isteri berpekerjaan, para *Fuqaha'* hanya mewajibkan isteri berpekerjaan mengeluarkan gaji pekerjaannya bagi menampung kos sampingan rumahtangga yang meningkat akibat daripada pekerjaannya jika dituntut oleh suami. Hukum ini melibatkan situasi di mana suami isteri tidak dapat mencapai persetujuan terhadap takat sumbangan isteri. Antaranya kos yang wajib ditanggung oleh isteri adalah kos pembantu rumah, pemandu peribadi, pakaian tambahan, pembelian makanan segera dan asuhan anak-anak. Ketetapan ini dilihat dapat memberi kelapangan kepada suami yang telah menanggung kos asas rumahtangga. Ia sekaligus mampu merealisasikan *maqasid* perkahwinan iaitu menyuburkan kecintaan dan kerahmatan dalam rumahtangga. Berbeza situasi jika isteri tetap bersikap kedekut membelanjakan wangnya sudah tentu akan mencetuskan konflik rumahtangga yang dilarang oleh Islam. Justeru, konflik ini hanya dapat dicegah apabila pasangan saling menyumbang dan berkongsi tanggungjawab kewangan. (Hilali, 2010)

Selain daripada yang tersebut, *Ijma'* telah memutuskan bahawa seluruh harta isteri berpekerjaan adalah hak milik mutlaknya sekalipun pekerjaannya telah mengambil dan mengurangi sebahagian waktu rumahtangga apabila suaminya telah memberikan keizinan dan meredhai pekerjaannya. Sekalipun pada asalnya waktu bekerja isteri adalah hak suami, namun suami sendiri telah menggugurkan haknya dengan penuh kerelaan. Apabila hak tersebut telah digugurkan isteri beroleh pemilikan mutlak ke atas hartanya. Jika sebaliknya suami isteri telah membuat satu persetujuan terhadap kadar tertentu yang perlu disumbangkan oleh isteri berpekerjaan, maka persetujuan yang telah dicapai wajib dilaksanakan. (Hilali, 2010)

Sebagaimana isteri mempunyai pemilikan mutlak ke atas hartanya, suami juga memiliki pemilikan mutlak ke atas hartanya. Setelah masing masing menjalankan tanggungjawab syarak dalam rumah tangga, harta mereka adalah dihormati dan tidak boleh diceroboh oleh pihak lain tanpa kebenaran. Allah SWT telah berfirman di dalam surah al-Nisa' ayat 32 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain. Bagi lelaki ada bahagian daripada apa yang telah mereka usahakan, dan bagi wanita pun ada bahagian daripada apa yang telah mereka usahakan, dan mohonlah kepada Allah sebahagian daripada kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Ayat di atas diturunkan bagi menegur tindakan hasad dengki hati terhadap kurniaan dan kelebihan harta sesama muslim. Hasad dengki dalam konteks ayat ini adalah mengharapkan hilang nikmat dan kelebihan daripada orang lain untuk dimilikinya.(al-Hanafi, 1958) Ummu Salamah pernah menyatakan hasratnya:

"Seandainya kami mendapat pembahagian sama rata dalam harta pusaka dan kami boleh turut serta dalam perperangan bersama para lelaki." Kaum lelaki turut berharap: "Seandainya kami mendapat ganjaran yang lebih besar berbanding wanita di akhirat kelak, sepertimana kami telah mendapat kelebihan dalam pembahagian harta pusaka di dunia."(Al-Thaalabi, 1997) (Ibn Kathir, 1999) (al-Jasas, 1985) Lantas Allah SWT menurunkan ayat 195 daripada Surah al-Imran:

"Sesungguhnya aku tidak mensia-sikan amalan orang-orang yang beramal diantara kamu, baik lelaki atau perempuan"

Sikap hasad dengki ini diharamkan kerana ia merupakan satu tindakan mengawal keputusan hukum syarak berkaitan pembahagian harta pusaka kedudukan harta dan pekerjaan lelaki. (al-Tabari, 2002) Menurut Qatadah bin Hasan, masyarakat *Jahiliyyah* tidak pernah mewariskan pusaka kepada wanita dan kanak-kanak. Pembahagian pusaka diberikan sesuka hati kepada sesiapa yang menjadi pilihan mereka.

Berbalik kepada pengklasifikasian harta isteri berpekerjaan sebagai harta sepencarian, tafsiran ayat al-Quran di atas jelas membuktikan bahawa Islam mengiktiraf pemilikan individu terhadap harta, baik suami maupun isteri. Harta isteri adalah milik isteri, manakala harta suami juga adalah milik suami. Namun kedua mereka tetap bertanggungjawab menyumbang harta masing-masing dalam rumah tangga mengikut keputusan hukum yang telah

ditetapkan. Ayat tersebut tidak boleh ditafsir sebagai Islam mengiktiraf pemilikan individu terhadap harta di mana suami isteri berhak menuntut harta sepencarian di atas faktor sumbangan secara langsung dan tidak langsung semasa perkahwinan. Akad perkahwinan tidak menjadi dasar kepada pemilikan harta di antara suami isteri secara sama rata apatah lagi berhak menuntutnya setelah perceraian, poligami dan kematian. Penggunaan ayat tersebut sebagai hujah pensyariatan harta sepencarian adalah di luar konteks dan sebab turun ayat.

Namun, dalam situasi di mana suami isteri saling menyumbang dan menanggung komitmen kewangan terhadap pembelian rumah, kenderaan, perniagaan serta aset-aset yang lain, maka masing masing berhak membuat tuntutan harta sepencarian kerana menetapi konsep perkongsian harta. Justeru, harta isteri berpekerjaan tidak boleh diklasifikasikan sebagai harta sepencarian yang boleh dituntut oleh suami.

Manakala bagi isteri yang berstatus suri rumah dan telah memberikan sumbangan tidak langsung berhak mendapat nafkah makan minum, pakaian dan tempat tinggal semasa perkahwinan dan mendapat pembahagian harta pusaka jika berlaku kematian. Selain itu, isteri juga berhak mendapat nafkah ‘iddah dan mut’ah setelah perceraian termasuk pewarisan harta pusaka jika berlaku kematian sepanjang tempoh ‘iddah. Adapun bagi situasi poligami, isteri tidak berhak membuat sebarang tuntutan harta.

PENUTUP

Islam telah menggubal hukum hakam yang jelas dan terperinci berkaitan isu harta di antara suami isteri dalam perkahwinan. Buktinya adalah kewajipan *mahar*, nafkah perkahwinan, nafkah ‘iddah, mut’ah perceraian dan harta pusaka. Justeru, isu tuntutan harta sepencarian hanyalah satu tuntutan ganti rugi oleh isteri yang telah memberikan sumbangan tenaga dan moral semasa perkahwinan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kerana itu, Islam telah memerintahkan kewajipan *mut’ah* kepada isteri setelah penceraian yang bukan berpunca daripadanya. Malah, hakim wajib memerintahkan pembayaran *mut’ah* sebagai ganti rugi perceraian. Oleh itu, sangatlah penting hukum sedia ada yang jelas dalil pensyariatannya dikuatkuasakan berbanding mengadakan satu hukum yang baharu yang memerlukan kepada dalil pensyariatan. Selain itu, hukum berkaitan *mut’ah* perlu disebar luaskan kepada seluruh wanita muslimah agar mereka dapat memahaminya secara menyeluruh.

Di samping itu, prinsip bertanggungjawab dan bekerjasama di antara suami isteri dalam memenuhi tuntutan dan keperluan rumah tangga menjamin

kedudukan rumah tangga yang merupakan institusi terpenting dalam kehidupan manusia. Namun, jika sumbangan isteri seperti konsep yang dinyatakan dalam fatwa Imam al-Haramain, adalah sewajarnya diwujudkan satu kontrak yang dipersetujui oleh suami isteri agar pembahagian harta selari dengan hukum syarak tanpa ada unsur kezaliman, penindasan serta menceroboh harta orang lain secara batil. Walau bagaimanapun, harta isteri berpekerjaan yang telah menampung keperluan tambahan rumah tangga akibat pekerjaannya tidak boleh diklasifikasikan sebagai harta sepencarian yang boleh dituntut oleh suami.

RUJUKAN

- Ibn Kathir, Abu al-Fida Ismail bin Omar bin Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Mekah: Dar al-Tiba, 1999.
- Ibn Qudamah, Ibn Qudamah al-Muqaddasi, *Al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr, 1984.
- Ibn Rusyd, Muhammad Bin Ahmad Bin Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Fikr, 1995.
- Arkib Negara Malaysia, Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. <http://www.arkib.gov.my>, Diakses pada: 4 November 2020.
- Al-Ghazi, Muhammad Sidqi bin Ahmed bin Muhammad al-Borno Abu Al-Harith Al-Ghazi, *Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 2003.
- Al-Imrani, Abu Al-Husain Bin Abi al-Khair Bin Salim al-Imrani, *Al-Bayan Fi Mazhab al-Imam al-Syafie*. Saudi Arabia: Dar al-Minhaj, 2000
- Al-Ityubi, Mohamed bin Ali al-Ityubi, *Al-Bahr al-Muhit al-Thajaj Fi Syarh Sahih al-Imam Muslim al-Hajjaj*. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawzi, 2014.
- Al-Ityubi, Mohamed bin Ali al-Ityubi, *Dzakhirah al-'Uqba Fi Syarh al-Mujtaba*. Makkah: Dar Aal Burum, 2003.
- Al-Jasas, Ahmed Bin Ali Abu Bakar al-Razi, *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Araby, 1985.
- Al-Jasas, Ahmed Bin Ali Abu Bakar al-Razi Al-Jasas Al-Hanafi, *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Araby, 1958.

Al-Karami, Syeikh Mar'i Yusuf Al-Karami, *Syarh Dalil al-Talib Li Naili Matalib Lil Imam Syeikh Mar'i al-Karami*. Saudi Arabia: Dar Tiba, 2008.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *Raudhah al-Tholibin Wa 'Umdah al-Muftin*. Beirut: Al-Maktab al-Islami, 1991.

Al-Majma' al-Fiqh al-Islami, al-Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali.
<https://www.iifa-aifi.org>, 11 November 2018.

Al-Rafi'e, Abu al-Qasim al-Rafi'e, *Al-'Aziz Syarh al-Wajiz (Al-Syarh al-Kabir)*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 1997.

Al-Ramli, Imam Syihabuddin al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr, 1984.

Al-Sayuti, Imam Jalaluddin al-Sayuti, *Al-Asybah Wa al-Nazair Fi al-Qawaid Wa al-Furu'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990.

Al-Thaalabi, Abu Zaid Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Makhloouf Al-Thaalabi, *Al-Jawahir al-Hisan Fi Tasfir al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath al-Araby, 1997.

Al-Walwi, Muhammad bin Ali bin Adam bin Musa al-Etiobi al-Walwi, *Al-Bahr Al-Muhit Fi Syarh Sahih Imam Muslim Bin Al-Hajjaj*. Dar Ibn al-Jawzi, 2005.

Al-Zuhayli, Muhammad Mustafa Al-Zuhayli, *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Wa Tathbiqatuha Fi al-Mazahib al-Arba'ah*. Dimasyq: Dar al-Fikr, 2006.

Dar al-Ifta' al-Misriyyah, Dar al-Ifta' al-Misriyyah. <https://www.dar-alifta.org>, 12 Januari 2009.

Hilali, Sad Al-Din Mus'ad Hilali, *Al-Thalathunat Fi al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2010.

Ibrahim, Hussein bin Ibrahim al-Maghribi, *Qurratul 'Ain Bi Fatawa Ulama al-Haramain*. Mesir: Maktabah al-Tijariyah al-Kubra, 1937.

'Ifanah, Husam Al-Din Bin Musa 'Ifanah, *Fatawa Yas-Alunak*. Al-Quds: Maktabah al-'Ilmiyyah & Dar al-Tayyib, 2008.

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Laporan Statistik Sulh Tahun 2017. Negeri Sembilan: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, 2018.

Jabatan Mufti Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman, Himpunan Fatwa Dua (2) Negeri Kedah. <https://mufti.kedah.gov.my>, T.T.

Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my>, 11 November 2019.

Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://www.dosm.gov.my>, 9 Ogos 2019.

Jamil & Taib, Hajah Makiah Tussariyah Hj Jamil & Jamaliah Mohd Taib, Kajian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam. Malaysia: <https://www.researchgate.net>, 2012.

Mat Hussin & Abdullah, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Raihanah Abdullah, Amalan Pembahagian Harta Sepencarian Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. Journal Of Shariah Law Research (JSLR), Universiti Malaya, 75-88, 2016.

Mausu'ah al-Fatawa, Mausu'ah al-Fatawa. <http://www.fatawa.com>, 15 Disember 2017.

Mausu'ah al-Fatawa, Mausu'ah al-Fatawa. <http://www.fatawa.com>, 15 Disember 2017.

Muhammad Bin Jarir Bin Yazid Bin Katheer Bin Ghaleb al-Amili, *Jami'ul Bayan Fi Takwil al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 2000.

Qal'aji & Qunaybi, Mohamed Rawas Qal'aji & Hamed Sadeq Qunaybi, *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafaes, 1988.

Wizarah al-Auqaf, Wizarah al-Auqaf Wa al-Syuun al-Islamiyyah, *Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Kuwait: Dar al-Salasil, 2006

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.